

DIALOG BORNEO- KALIMANTAN KE- 12
INSTITUT AMINUDDIN BAKI (IAB) CAWANGAN Sarawak
4 – 6 Jun 2015

**MANTERA DAN KEARIFAN LOKAL MELAYU:
TINJAUAN *BACA-BACAAN* MASYARAKAT BRUNEI**

Oleh:
Awang Suip bin Haji Wahab
DBP, Negara Brunei Darussalam

PENDAHULUAN

Mantera adalah merupakan tinggalan warisan bangsa Melayu yang bernilai. Tercipta dalam suasana kosmos tradisi lisan sebagai komunikasi terpenting. Dalam konteks Brunei, mantera lebih dikenali sebagai *baca-bacaan*. Kewujudan *baca-bacaan* atas keperluan masyarakatnya iaitu masyarakat Melayu tradisional yang masih tertutup dengan alam sekelilingnya. Sungguhpun begitu, dalam keadaan hidup pada tahap sederhana atau buta huruf masyarakat Melayu mampu menciptakan sesuatu yang dapat mengisi keperluan kehidupan mereka. Terciptannya *baca-bacaan* yang berfungsi sebagai kaedah untuk mendapatkan kuasa magis atau ghaib bagi tujuan-tujuan tertentu umpamanya perubatan pada ketika sakit, pemujaan pada ketika dalam kesukaran hidup, dan menghindarkan malapetaka baik yang datang dari alam mahupun manusia dan (makhluk halus). Pada masa yang sama, terdapat juga *baca-bacaan* ini dijadikan sebagai satu mekanisme bagi menyakiti orang lain. Baik mantera atau *baca-bacaan* pada dasarnya adalah hasil ujaran atau 'verbal' dengan susunan kata yang indah sebagai salah satu suntikan menghidupkan kuasa magis itu. *Baca-bacaan* berkembang atas dasar keberkesanannya, maka dibantu dengan perlakuan umpamanya mimik mukanya, gerak-gerinya, sejajar dengan kata-kata yang diungkapkan. Kemudian, material untuk melakukan *baca-bacaan* juga diperlukan umpamanya air, *pabarahan*, tumbuh-tumbuhan tertentu dan sebagainya. Ramuan atau aspek-aspek tertentu yang membentuk *baca-bacaan* itu sebenarnya menggambarkan kearifan lokal masyarakat Melayu khususnya orang Brunei.

MANTERA ATAU *BACA-BACAAN* DAN PENGARUHNYA

Umumnya, mantera atau *baca-bacaan* bolehlah diertikan sebagai kata-kata atau ayat yang apabila diucapkan atau diujarkan dapat menimbulkan kuasa ghaib. *Baca-bacaan* juga dikenali sebagai jampi serapah yang mempunyai hubungan kuasa magis. *Baca-bacaan* diucapkan bagi tujuan tertentu dengan menghubungkan kuasa perbomohan. Berdasarkan pengertian ini, hubungan *baca-bacaan* dengan kuasa ghaib tidaklah dapat dipisahkan dengan tujuan perubatan, pertahanan, penganiayaan, dan sebagainya (lihat: Harun Mat Piah; Harun Daud).

Baca-bacaan tercipta pada tahap masyarakat Melayu hidup sederhana dan buta huruf. Justeru, *baca-bacaan* ini dipercayai sudah wujud sebelum kemasukan kebudayaan Hindu-Buddha dan Islam.¹ Sekarang dalam keberadaan atmosfera modenisasi dan globalisasi, bangsa Melayu turut sama mengalami asimilasi dan perubahan. Bukan saja tertumpu kepada orang Barat yang datang mencari wilayah, namun kedatangan Islam juga banyak membuat perubahan yang besar terutama akidah umat Islam. Setelah agama Islam bertapak kukuh di alam Melayu, kehidupan masyarakat Melayu juga turut berubah. Cara hidup mereka seperti kepercayaan terhadap tahyul juga sudah mula dilupakan selaras dengan ajaran agama Islam. Di alam Melayu segala perkataan dan sebutan Hindu telah bertukar kepada penggunaan unsur-unsur keislaman. Dalam *baca-bacaan*, kalimah 'Bismillah' digunakan sebagai pembuka *baca-bacaan* dan kebanyakan *baca-bacaan* diakhiri dengan bacaan 'Dua Kalimah Syahadat' atau kalimah "Berkat La illa ha Illallah Muhammad Rusulullah". Menyeru kuasa-kuasa makhluk asing ditukar kepada kuasa Allah, Malaikat, Mukzijat nabi-nabi, sahabat nabi dan sebagainya. Contohnya pada kedua-dua *baca-bacaan* yang diperturunkan ini:

Tawar Kusut (Sebelum pengaruh Islam)

Anakmu *ngungkut*
Mamamu *ngungkut*
Dikais ayam hutan
Anakmu *kusut* mamamu *kusut*
Angkara iblis dangan syaitan
Bukan aku ampunya tawar
Kau punya tawar
Sah tawar

Tawar Kusut (Setelah disesuaikan dengan ajaran agama Islam)

Bismillah Hir Rahman Nirahim
Anakmu *ngungkut*
Mamamu *ngungkut*
Dikais ayam hutan
Anakmu *kusut* mamamu *kusut*
Auzubillah Hi Minasyaitan
Bukan aku ampunya *tawar*
Yang *manjadikan (Allah)* ampunya *tawar*
Sah *tawar*
Berkat
laillaha illallaah muhammad rasulullah

Kadang-kadang sukar kita menjumpai informan yang mengungkapkan *baca-bacan* ini kerana kebimbangan dari segi akidah Islam, malah Negara Brunei Darussalam mengamalkan hidup berfalsafahkan Melayu Islam Beraja (MIB) serta menjadikan sebuah Negara Zikir. Sekiranya pun yang ada, adalah mantera atau *baca-bacaan* yang telah diubah atau diserapkan ayat al-Quran, nama-

¹ Terdapat sarjana menyatakan sebagai hidup dalam animisme atau lebih jauh lagi primitif. Keadaan ini agak keterlaluan dan sama saja melihat bangsa Melayu itu tidak memiliki tamadun. Sedangkan dalam kehidupan buta huruf atau lebih senang disebut sebagai hidup sederhana mamapu menciptakan pelbagai macam bentuk folklor.

nama Allah dan sebagainya. Ini secara tidak langsung adanya kearifan lokal memberi ruang gantian penyerapan ajaran agama Islam dan terus diamalkan kerana sifatnya memohon doa kepada yang Maha Berkuasa.

FUNGSI BACA-BACAAN

Baca-bacaan terbentuk dari bunyi ucapan bahasa. Bahasa dan bunyi ucapan ini dipercayai mengandungi kesaktian atau kuasa magis jika disatukan dengan aspek-aspek yang mendokongnya. Isi kebanyakan *baca-bacaan* mengandungi pemujaan, kutukan, sumpah, larangan dan pujukan. Justeru, *baca-bacaan* ini berfungsi untuk kebaikan dan juga bagi kejahatan. Kata-kata dan pengucapan *baca-bacaan* ini mampu berhubung dengan alam ghaib yang akhirnya boleh menyembuhkan penyakit, menawar bisa, mendatangkan rasa kasih, atau mendatangkan rasa benci.

Baca-bacaan juga boleh menjadikan seseorang itu kuat dan kebal malahan juga berperanan sebagai senjata 'membunuh' seseorang. Masyarakat Melayu ternyata kaya dengan *baca-bacaan*, ia digunakan dalam setiap aspek kehidupan, setiap peringkat umur dan pada setiap masa dalam sehari. Dari segi kehidupan harian, boleh dikatakan setiap aktiviti yang dijalankan melibatkan *baca-bacaan*. Antara jenis-jenis *baca-bacaan* berpandukan kepada fungsinya:

I. Perubatan

Mantera jenis penawar, doa tawar, digunakan untuk tujuan perubatan. Masyarakat zaman dahulu menggunakan mantera sebagai ilmu perubatan memandangkan pada zaman tersebut belum ada ilmu perubatan moden. *Baca-bacaan* bagi tujuan perubatan dalam masyarakat Brunei dikenali juga dengan *tawar* yang mungkin berasal dari perkataan penawar. Pada zaman sekarang peranan bomoh atau dukun semakin tenggelam dengan adanya kumpulan atau pengamal cara perubatan Islam, seperti Darul syifaa, Homeopathy Islam dan sebagainya yang tidak bertentangan dengan ajaran agama Islam.

Tawar (Kambung Perut)

Pungkus

Pungkus

Pungkus

Keluar taie keluar kentut

Tawar Sakit Perut

Bismillah Hir Rahman Nirahim

Pandanku serumpun tajam

ditatak pandan berduri

dari mana datangnya tajam

dari usuk badan sendiri

berkat

(selawat)

Pantan Luka

Bismillah Hir Rahman Nirahim

Hu pantan nana yahu pantan nani,

*Darah Si kunci-kunci
berkat
(selawat)*

Namun *Baca-bacaan* pengasih, pikasih atau pugai boleh digunakan sebagai tujuan perubatan. Perubatan yang dimaksudkan ialah seperti dalam membantu seseorang itu untuk mencapai hajatnya. Seseorang yang dikecewakan oleh pasangannya, akan merasa kecewa dan patah hati. Bagi mendapatkan kembali kasihnya yang telah hilang maka *baca-bacaan* di sini berfungsi sebagai pengubat hati yang luka. Dengan penggunaan *baca-bacaan* itu akan dapat menyatukan pasangan yang telah berpisah seperti suami isteri yang hendak dan sudah bercerai. *Baca-bacaan* pengasih juga digunakan untuk mengeratkan hubungan rumah tangga.

Bedak Pengasih

Bismillah Hir Rahman Nirahim

Bedakku si putih-putih

Sinarkan ke matahari

*Kau (sebut nama orang yang akan memakai bedak) **berbedak seperti puteri***

*Kau (sebut nama orang dihajati) **mamandang gila birahi***

sidang lagi harimau garang

beranak 7 tanah subarang

tunduk kasih akan dirinya

*kalau **terpandang** cahaya **mukanya***

menjamah kakinya kedua

(sebut namanya...)

*kalau kau inda **menantang kedia** putus tali hatimu*

Rindu kasih akan dirinya

Berkat kau memakai bedak pengasih

berkat ***laaillaha illallaah muhammad rasulullah***

Lebih jelas lagi *baca-bacaan* yang sesuai digunakan untuk tujuan ini ialah *baca-bacaan* yang bertujuan untuk memujuk seseorang yang sedang marah.

Mantera Penunduk Orang Marah

bismillah hir rahman nirahim

andarasa andarisi

kuletakan di paku buluh

aku marah kau manis

aku duduk kau menyambah

aku duduk seperti raja

kau menjadi hamba

tiada menantang akan wajahku

tunduk kasih menantang cahaya mukaku

berkat

laaillaha illallaah muhammad rasulullah

II. Berkasih-kasih

Secara alami memang jelas *baca-bacaan* pengasih digunakan untuk menimbulkan rasa kasih, rasa *sayang*, rasa cinta berahi seseorang. Pada zaman dahulu, proses pencarian jodoh ditentukan orang tua bukan dipilih oleh pasangan yang hendak kahwin. Dari sini maka timbullah berbagai aksi dan reaksi pada kedua-dua pasangan yang dijodohkan; ada yang suka dan ada yang tidak suka dengan penjodohan mereka.

Keluarga kedua-dua pihak akan berusaha membuat kedua-dua yang dijodohkan merasa suka dengan penjodohan mereka. Maka di sini kedua-dua keluarga menggunakan *baca-bacaan* pengasih supaya kedua-dua mereka dapat bersatu. Dalam satu keadaan yang lain seseorang lelaki atau perempuan yang merasa suka dengan pilihan yang dijodohkan untuknya tetapi mengetahui pasangannya tidak menyukainya maka lelaki atau perempuan itu sendiri akan menggunakan *baca-bacaan* pengasih supaya pasangannya itu suka kepadanya. Berbagai-bagai cara digunakan oleh seseorang itu untuk menarik perasaan pasangannya, seperti dengan gaya, penampilan dan sebagainya.

Tawar Pugai

Hai Dang Siti Hawa

Aku tahu asal mulamu jadi

Dari tulang rusuk nabi Adam sebelah kiri

Jika engkau suka sapukan ke mukamu

Jika engkau antara sapukan ke dadamu

Jika engkau benci sapukan ke kakimu

Wahai malaikat empat penjuru alam

Angkat tah lakas-lakas.

(Haji Hashim, 1994: 19)

Mantera Memakai Baju

Bismillah Hir Rahman Nirahim

Pucuk bagu batangnya bagu

Ditaruh di hulu pancur

Bismillah ku mamakai baju

*Siapa **memandang** hatinya **hancur***

Mantera Memakai Kain

Bismillah Hir Rahman Nirahim

Bang galumbang

Kukibar di muka pintu

*Bismillah kumasuki **kumbang***

*Barang siapa mamandang hatinya **rindu***

Mantera Makan Pinang

Bismillah Hir Rahman Nirahim

*Pinangku si **kalam** muda*

Ditanam limau manis

*Banyak **orang** muda-muda*

*Aku **nganya** dipandang manis*

III. Dendam

Dendam lahir dari rasa kecewa, rasa tidak puas hati, rasa terhina yang membawa konotasi jahat. Perasaan dendam itu lahir pada diri seseorang yang dikecewakan contohnya bila pinangan atau hajat ditolak. Dalam masyarakat Melayu sistem penentuan jodoh yang ditentukan oleh ibu-bapa sering menghadirkan orang ketiga. Orang ketiga akan merasa kecewa bila mengetahui orang yang dikasihi dalam diam telah dijodohkan dengan orang lain. Orang ketiga yang merasa dirinya dikecewakan ini akan berusaha merebut kembali orang yang disayanginya dan paling tidak dia juga berusaha untuk menggagalkan rumah tangga mereka. Ada juga yang sanggup membuat orang yang dihajatnya itu gila.

Pengasih

Bismillah Hir Rahman Nirahim
7 kasih perkara kasih
tuha muda tunduk kasih sayang kan diaku
kutantang ke aying, aying beranti,
rindu rindang memandang diaku
kutantang ke angin, angin beranti,
rindu rindang memandang diaku
kutantang ke matahari, matahari pajah,
rindu rindang memandang diaku
Hei, ibu rahmat
Ibu nikmat
(sebutnamanya)
...
Manyambah kadua kakiku
(sebutnamanya)
kalau kau inda manantang kediaku putus tali jantungmu
kalau kau inda mamandang kediaku putus tangkai hatimu
kalau kau inda datang padaku mutahkan darah
kalau kau inda menyambah kediaku mutahkan nanah
bukan aku ampunya kata Allah ampunya kata
berkat ku mamakai kata Allah
...

Pada zaman dahulu sering kita dengar pasangan pengantin bercerai di atas pelaminan. Orang ketiga akan merampas pengantin perempuan ketika bersanding. Ada juga pengantin lari dari rumah pada malam pertama (membawa tikar bantal) pergi ke rumah orang ketiga. Hal ini berlaku kerana pengaruh baca-bacaan pengasih yang dikenakan oleh orang ketiga menutup hawa dan nafsu perempuan itu terhadap suaminya. Menurut beberapa orang informan jika perempuan itu tidak mengikutinya, perempuan itu ada yang gila dan ada yang merasa tidak suka kepada suaminya. Kejadian ini mengakibatkan kegagalan rumah tangga mereka, ini memberi kesempatan kepada orang ketiga untuk mendapatkan perempuan itu. Seperti contoh baca-bacaan di bawah ini walaupun pada asalnya digunakan untuk mengikat hawa

suami atau isteri tapi boleh juga digunakan untuk menganiaya seseorang dengan tujuan menutup hawa pasangan suami isteri, dengan erti kata lain si suami tidak ada perasaan terhadap isterinya begitu juga dengan sebaliknya.

Mantera Pengikat Nafsu Suami atau Isteri

*Bismillah Hir Rahman Nirahim
Turun tangga patah
Naik tangga kambing
Hawamu bagai dipatah
Nafsumu bagai dirambing
Inda kau berhawa
Inda kau bernafsu
(sebut nama isteri)
tekatup tekabat pintu birahimu
Hanya untukku
terbuka terlambah tersingkap pintu birahimu
hanya untuku
kerana ku tahu asal mulamu
ibu rahmat manikam rasa
wadi maazi mani
...
berkat
(Selawat)*

IV. Pertahanan

Baca-bacaan pengasih juga berfungsi sebagai *baca-bacaan* pertahanan. Dalam konteks ini pertahanan yang dimaksudkan ialah mempertahankan diri, mempertahankan kehormatan harga diri (moral), mempertahankan hubungan dengan masyarakat, mempertahankan rumah tangga dan sebagainya.

Doa Kasih Sekampung

*Bismillah Hir Rahman Nirahim
Tancili tancili
Betiga dengan batang sulasih
Daulu bagai kau inda tunduk kasih akan diaku
Sedang **Tuhanku** tunduk kasih sayang akan diaku
Beratku mamakai doa kasih sekampung
Berkat
La Illa Ha Illallah
Muhammadar Rasulallah*

Mempertahankan diri itu ialah seperti mempertahankan diri dari segi moral dan harga diri contohnya jika dimarahi. *Baca-bacaan* pelembut atau penunduk orang marah selalunya digunakan kepada orang yang sedang marah. Jika *baca-bacaan* ini diucapkan orang

yang ditujukan itu akan hilang marahnya dan akan berlembut dengan orang yang memakai baca-bacaan tersebut.

Pemungkam Mulut

*Bismillah...
Aku tidur Muhammad Jaga
Muhammad tidur Allah jaga
Hei tiada kau berhawa
Tiada kau berkata
Umpama tidur
Tiada rasa
Berkat kumemakai kata pemungkam mulut
Berkat **laaillaha illallaah muhammad rasulullah***

1. PUITIKA BACA-BACAAN SEBAGI GAMBARAN KEARIFAN LOKAL MELAYU

I. Bahasa dalam Mantera

Bahasa memainkan peranan penting dalam mana-mana teks, tanpa bahasa teks tidak akan wujud. Sesuai dengan definisi mantera sebagai sebuah pengucapan, bahasa merupakan komponen utama yang membentuk mantera. Bahasa dalam mantera atau *baca-bacaan* adalah terdiri daripada pembentukan kata atau ayat. Bahasa dalam mantera boleh dibahagikan kepada tiga iaitu pertama, bahasa yang mempunyai makna kamus, kedua bahasa yang tidak mempunyai makna kamus yang terdiri dari kata sahaja dan ketiga bunyi bahasa. Bahasa atau kata-kata di dalam mantera merupakan satu dari tiga faktor yang menentukan keberkesanan sesebuah mantera.

“Seperti yang kita ketahui bahawa mantera ialah sejenis pengucapan yang menggunakan bahasa berirama atau bersajak”

(Dr. Haji Hashim Bin Haji Abdul Hamid, 2001:29)

Baca-bacaan adalah sejenis puisi tradisional yang mempunyai pelbagai bentuk, berangkap atau tidak, mempunyai rima atau tidak. Jika berangkap tidak tentu jumlah larik serangkap dan jumlah perkataan dalam selarik. Tapi ada juga yang menyerupai pantun empat baris, mempunyai pembayang dan maksud. Mantera jenis ini dalam masyarakat Melayu Brunei lebih dikenali sebagai “Jawi”. Jenis mantera sebegini amat mujarab. Contohnya:

Baca-bacaan Pengasih (Memakai Baju)

Bismillah Hir Rahman Nirahim

Pucuk bagu** batangnya **bagu

Disandarkan** dikayu **ara

*Bismilahku **mamakai** baju*

*Cahaya naik **ka muha***

Berkat ***laaillaha illallaah muhammad rasulullah***

Baca-bacaan Menahan Hujan

Bismillah Hir Rahman Nirahim

*Di sini **kapala Kerapu***

*Di sana **kapala Beruang***

Di sini bagai disapu

Di sana bagai dituang

Contoh **baca-bacaan** di atas jelas menunjukkan bentuk mantera seakan-akan pantun yang mempunyai dua baris pembayang dan 2 baris maksudnya, mentera di atas juga mempunyai rima akhir seperti pantun, a, b, a, b. Bagi masyarakat Melayu Brunei *baca-bacaan* jenis ini dikenali sebagai “*patah-patahan*”.

Ada juga mantera yang berbentuk dua baris, seperti pantun 2 baris, contohnya:

Baca-bacaan Mengail

Calapa** kubuang **barcampur gambir

Permata** kubuang manyangkut ke **bibir

Jumlah baris bukanlah penentu bentuk sebuah *baca-bacaan*. Ada juga *baca-bacaan* yang terdiri hanya satu baris malah juga ada yang terdiri dua kata. Di sini diperturunkan contoh mantera tersebut:

Tawar Sakit Perut

*Ya Musa dua **sapucung***

Mantera Pelbagai Guna

Hu Allah

Bahasa dalam *baca-bacaan* bukan saja terdiri dari kata yang mempunyai makna, malah ada juga kata yang digunakan bukan kata yang mempunyai makna kamus tapi hanyalah bunyi bahasa semata-mata, adalah sukar bagi kita untuk mentafsirkan makna bunyi bahasa yang digunakan dalam mantera tersebut. Malahan juga ada terdapat bahasa yang percayai bukan dimiliki oleh manusia tapi dimiliki oleh orang halus.

Tawar Kusut (Sebelum pengaruh Islam)

Ngungkut anakmu **ngungkut**
Dikais ayam hutan
Kau kusut
mamamu kusut
Angkara iblis dengan **syaitan**
Bukan aku ampunya tawar
Kau punya tawar
Hilang kau kusut
Sah tawar

Perkataan “ngungkut” di atas tidak mempunyai makna kamus mungkin “ngungkut” digunakan untuk menyelaraskannya dengan unsur bunyi “kusut”, sehingga menimbulkan semacam bunyi irama. Mungkin juga “ngungkut” itu adalah bahasa hantu syaitan yang empunya tawar tersebut. Berdasarkan kajian, konon cerita mantera ini diperoleh dari seseorang yang sedang duduk bersandar pada sepohon kayu di dalam hutan. Dia terdengar bunyi kanak-kanak menangis dan bunyi percakapan ibu bapanya. Bapa kepada anak hantu syaitan itu mengatakan tidak susah untuk mendiamkan anak mereka yang menangis itu kerana ia menangis angkara mereka juga, lalu “marantang” mantera seperti di atas. Orang yang mendengar mantera itu lalu pulang dan mencubakannya kepada anak cucu mereka dan diperturunkan hingga sekarang.

Bahasa dalam mantera mempunyai lambang makna. Setiap lambang makna yang diucapkan itu dapat memberi tekanan dan dapat menambahkan keampuhan mantera tersebut. Ditambah lagi dengan penggunaan rentak dan irama dalam mantera, penggunaan unsur bunyi bahasa, rima yang menarik dan dikisi yang sesuai dalam mantera memperlihatkan keindahan sesebuah mantera.

Tawar Dugal

Bismillah Hir Rahman Nirahim
Ugal-ugai kapala **ugai**
Pucuk keladi hitam
Dari mana datangmu dugai
...
turun sakalian bisa
naik sakalian tawar
sah tawar

Maka, keindahan mantera terletak pada gaya bahasa mantera yang menggabungkan penggunaan bahasa yang mempunyai makna kamus, kata dan serta unsur bunyi bahasa.

Gaya bahasa ini diadun dan dapat melahirkan rentak irama bahasa. Ada juga bahasa yang tidak difahami yang bukan terdiri dari bahasa yang mempunyai makna kamus, bukan juga bunyi bahasa dan bukan juga terdiri dari bahasa asing. Bahasa atau kata ini merupakan bahasa orang halus, jin, dan sebagainya yang merupakan pemilik asal mantera tersebut. Hal ini mungkin ada benarnya memandangkan masyarakat Brunei Darussalam terutamanya puak Kedayan ini dapat mengetahui batas-batas wilayah makhluk-makhluk selain manusia. Mereka dapat berhubung dan berinteraksi dengan makhluk-makhluk ini. Mereka mengetahui siapa penunggu hutan, gunung, sungai, siapa pemilik bintang seperti pelanduk, kijang dan sebagainya. Umpamanya, kata “*ampuan*” (penjaga) pelanduk ialah “Hantu Kalindahau” dan binatang kijang pula “*ampuannya*” ialah “Hantu Si Ranggau” atau lebih dikenali dengan “Orang Tinggi”. Untuk menangkap binatang-binatang ini puak Kedayan terlebih dahulu meminta izin kepada “*ampuannya*” bagi mengelakkan sesuatu kejadian yang tidak dingini berlaku, akibat dari kemarahan “*ampuannya*”. Kepercayaan ini masih lagi hidup hingga ke hari ini.

Penggunaan lambang-lambang bukan hanya untuk keberkesanan mantera tetapi juga untuk melihatkan hubungan manusia dengan unsur alam. Penggunaan lambang-lambang dalam mantera pengasih bukan saja terdiri dari objek yang wujud tetapi juga terdiri dari lambang-lambang bahasa yang mempunyai makna yang boleh memberikan keberkesanan mantera itu contohnya, asam kelumbi. Asam kelumbi sejenis buah yang masam. Buah ini selalunya menjadi idam-idaman perempuan yang sedang mengandung. Bagaiman rasa keinginan seseorang untuk memakannya maka begitulah pula rasa kasih sayang seseorang yang terkena ilmu pengasih ini.

Pugai

Bismillah
Asamku kelumbi manis
Ular tedung merah matanya
Adik tersenyum tunduk menangis
Memandang aku hatinya gila

Pugai

Bismillah
Asamku kelumbi manis
Ditaruh atas jendela
Kiraiku terangkat manis
Siapa memandang hatinya gila

Pugai

*Bismillah
Asamku **kelumbi manis**
Dicacah dengan sira
Wajahku dipandang manis
Siapa memandang hatinya gila*

II. Unsur Alam dalam *Baca-bacaan*

Baca-bacaan masyarakat Melayu itu terbahagi pelbagai jenis. Setiap jenis itu memiliki diksi atau perkataannya yang terpilih oleh penciptanya. Paling ketara ialah unsur alam yang kerap digunakan. Hal ini menggambarkan betapa akrabnya hubungan manusia dengan alam. Perkongsian hunian membuat kedua-duanya saling-kait mengait. Perhatian manusia yang tajam terhadap alam mampu dimanfaatkan dalam mantera umpamanya. Justeru, wujudnya perbilangan yang menyebutkan 'Alam terkembang menjadi Guru'.

a. Alam Tumbuh-Tumbuhan

Alam tumbuh-tumbuhan atau flora menjadi pilihan dalam pengkaryaan umpamanya pantun, peribahasa, dan mantera. Ketajaman penciptaan *baca-bacaan* menghubungkan kehidupan manusia dengan berkias dengan unsur tumbuh-tumbuhan. Dalam pantun sahaja perkataan padi, sulasih, serai, bidara dan sebagainya digunakan untuk dipertentangkan dengan sifat manusia dari segi fikiran, emosi dan tindak-tanduk. Begitu juga dengan *baca-bacaan* pilihan kata atau diksi perlu berhati-hati.

Hantu

Pucuk Bagu batangnya Bagu
Disandarkan di kayu ara
Kau hantu aku hantu
Sama-sama kita bersaudara

b. Unsur Alam Haiwan

Mantera atau *baca-bacaan* juga memanfaatkan unsur binatang. Harimau dan buaya umpamanya kadang menjadi pengisi dalam *baca-bacaan* tentang tenaga kekuatan. Kekuatan yang ada pada haiwan tersebut diharapkan mendatangkan kekuatan kepada si pemakainya. Tujuannya juga sama ada untuk tujuan baik dan jahat. Sebagai contoh tujuan baik ialah untuk membantu dan membela orang yang lemah, keluarga, kumpulan dan sebagainya

Pugai

...
dulu *tah kau inda tunduk kasih sayang akan diaku*
sedangkan **harimau putih beranak 7 tanah subarang**
...

2. KESIMPULAN

Mantera Melayu atau *Baca-bacaan* itu memiliki satu bentuk puisi yang unik, bentuk dan isinya berbeza dengan bentuk dan isi puisi yang lain. Isi dan konsep mantera itu menunjukkan hubungan mantera dan kearifan lokal Melayu. Mantera Melayu itu adalah pancaran daripada kehidupan masyarakat Melayu tradisional, yang mengandungi kepercayaan, budaya, adat istiadat, tradisi, memiliki komuniti mantera tersebut. Mantera Melayu itu dicipta dengan tujuan dan fungsi tertentu. Pengabdian sesebuah mantera hanya dilakukan oleh orang-orang yang telah benar-benar mengabdikan mantera itu ke dalam dirinya dan mewariskan secara turun temurun dari generasi ke generasi dan terus berkembang hingga sekarang. Proses dan tujuan pengamalannya dilakukan berdasarkan tujuan mantera itu digunakan. Mantera sebagai satu khazanah lama yang menjadi warisan masyarakat Melayu di Negara Brunei Darussalam yang terkandung di dalamnya pancaran hidup yang mengandungi nilai-nilai budaya, adat istiadat, pantang larang, agama, yang banyak mempengaruhi sistem kehidupan masyarakat Melayu sejak zaman-berzaman, patut dipelihara. Walau bagaimanapun, melihat sikap golongan generasi muda sekarang, tidak ramai yang memperlihatkan keinginan untuk memiliki amalan *baca-bacaan*.